KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	6/1/2022 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	17
JABATAN	:	PERHILITAN			

Burung Sekendi Sudu Muka Hitam muncul di Penaga



Spesies burung terancam dunia, Sekendi Sudu Muka Hitam muncul di Pulau Pinang dirakam pada 15 Disember lalu.

Penemuan pada 15 Disember lalu mengejutkan kerana unggas adalah spesies terancam di dunia

Oleh Ilah Hafiz Aziz
ilahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Burung Sekendi Sudu Muka Hitam yang terancam populasinya di dunia, dikesan muncul di muara Sungai Lahar Endin dekat Penaga, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.

Penemuan pada 15 Disember lalu itu amat mengejutkan kerana unggas itu adalah spesies burung hijrah yang jarang dilihat di Malaysia, biasanya ditemui di Asia Timur sahaja.

Koordinator Projek Shorebirds Semenanjung Malaysia, Dr Nur Munira Azman, yang menemui spesies burung terbabit berkata, penemuan pertama di Pulau Pinang itu, adalah yang kedua di negara ini.

"Burung Sekendi Sudu Muka Hitam adalah spesies burung hijrah yang sedang terancam dengan populasi hanya sekitar 4,000 ekor sahaja dan dijangka menurun kepada 500 ekor pada masa hadapan.



Nur Munira Azman

"Saya bersama jurukamera, Mohd Nasir Azizan, kali pertama menjumpai burung ini pada 15 Disember lalu dan didapati ia baru sahaja sampai dan dilihat makan dengan aktif.

"Ia menggerakkan paruh ke kanan dan ke kiri untuk mencari ikan dan udang. Berdasarkan pemerhatian, ia adalah burung separa dewasa (sub-adult) dan hanya seekor sahaja yang direkodkan setakat ini," katanya kepada *BH*.

Nama burung Sekendi Sudu Muka Hitam diambil bersempena daripada paruh berbentuk sudu dan tempat pembiakannya adalah di kawasan timur laut benua Asia, termasuk Semenanjung Korea and timur laut China, manakala tempat berhijrah antaranya adalah selatan China, Taiwan dan Jepun, malah turut sampai ke Vietnam dan Filipina.

Mengulas lanjut, Nur Munira berkata, kawasan Teluk Air Tawar-Kuala Muda itu terletak di laluan penerbangan Asia Timur-Australasia (EAAF) bagi burung-burung yang berhijrah dari hemisfera utara ke hemisfera selatan.

"Oleh yang demikian ia menjadi tempat persinggahan burung hijrah; burung air dan pantai, yang paling utama di barat laut Semenanjung," katanya.

Sementara itu Pengerusi Persatuan Pencinta Alam Sekitar Pulau Pinang, Tan Choo Eng, berkata lokasi penemuan unggas itu dikunjungi sekurang-kurangnya tujuh spesies burung air, laut atau pantai, yang terancam pada peringkat global.

"Ia adalah kedidi paruh tegak (*asian dowitcher*), kedidi dian besar (*great knot*), kedidi kaki hijau berbintik (*nordsmann greenshank*), kedidi paruh sudu (*spoon-billed sandpiper*), kendi timur (*far eastern curlew*), bangau cina (*chinese egret*) dan burung botak (*lesser adjutant*).

"Tiga spesies lain yang hanya terdapat satu peratus daripada populasi sedunia juga berkumpul di tempat ini, iaitu, *chinese pond-heron* (pucung danau cina), *asian dowitcher* dan *nordmann's greenshank*," katanya.